

Proaktif wujudkan jenama antarabangsa dalam sistem pendidikan negara

SEAAIR bantu tingkat kualiti

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA

pengarang@utusan.com.my

UM 07.11.2012 26

KOTA KINABALU 6 Nov. - Seramai 189 peserta terdiri daripada penyelidik dan tenaga pengajar cemerlang dari tujuh buah negara Asia menyertai Persidangan Persatuan Asia Tenggara bagi Institusi Penyelidikan (SEAAIR) 2012 selama tiga hari di sini bermula hari ini.

Persidangan anjuran Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

Antara negara yang mengambil bahagian ialah Malaysia, Thailand, China, Indonesia dan Filipina dengan sebanyak 52 kertas kerja bakal dibentangkan oleh pakar-pakar penyelidikan dalam pelbagai bidang dari negara berkenaan.

Dalam ucapannya, Pairin berkata, transformasi ilmu pengetahuan kini sudah banyak berubah dan semakin berkembang khusus dalam bidang penyelidikan.

Beliau berkata, pada masa ini, ilmu pengetahuan bukan hanya wujud dalam sesebuah institusi pendidikan sahaja, sebaliknya melangkaui sempadan lebih luas seperti penyelidikan dengan membabitkan individu dan kumpulan mahir serta



JOSEPH Pairin Kitingan (depan, empat dari kiri) dan Shahril Yusof (empat dari kanan) bersama peserta Persidangan Persatuan Asia Tenggara bagi Institusi Penyelidikan 2012 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

cekap dalam mewujudkan pembaharuan atau inovasi.

“Oleh itu, institusi pengajaran tinggi perlu memainkan peranan penting dalam memupuk dan melahirkan kecerdasan modal insan yang mampu berdepan dengan cabaran pendidikan global,” katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof; Presiden SEAAIR, Prof. Teay Shawyun; Timbalan Dekan SPBS, Mohd. Zaki Ishak dan Pengerusi Bersama SEAAIR, Prof. Hamzah Md. Omar.

Pairin berkata, kerajaan pula sentiasa dan akan terus memainkan peranan proaktif untuk mewujudkan “jenama antarabangsa” dalam sistem pendidikan negara.

Katanya, bagi mencapai hasrat itu, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan institusi pengajaran tinggi swasta serta agensi kerajaan lain bersama-sama menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

“Kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi mencadangkan ba-

hawa 75 peratus kakitangan akademik universiti penyelidikan perlu memiliki ijazah kedoktoran manakala universiti awam pula 60 peratus.

“Sejarah dengan itu, kerajaan juga telah melancarkan program yang dikenali sebagai MyBrain15, bagi melahirkan kira-kira 60,000 pemegang ijazah kedoktoran menjelang 2020,” ujarnya.